

# KENYATAAN MEDIA

---

## CADANGAN PEMBINAAN HOSPITAL PARIT BUNTAR, PERAK

**Parit Buntar** – Cadangan pembinaan Hospital Parit Buntar, Perak bakal memberi manfaat kepada kira-kira 120,192 penduduk sekitar terutamanya di Daerah Kerian. Penduduk di kawasan berkenaan tidak lagi perlu ke Ipoh untuk mendapatkan rawatan apabila ia siap dibina nanti.

Pembinaan hospital kini adalah difasa 3 iaitu ianya masih dalam peringkat perolehan manakala fasa 1 dan 2 iaitu kerja-kerja tanah telah pun siap. Luas keseluruhan tapak projek ini kira-kira 21 hektar (53 ekar) dan projek pembangunan pada masa ini melibatkan 5.42 hektar (13.56 ekar).

Apabila siap kelak hospital ini bakal menempatkan kemudahan sebanyak 76 katil yang melibatkan beberapa disiplin perubatan iaitu wad perubatan, pembedahan, orthopedik, pediatrik, wad ibu bersalin dan *high dependency unit*. Hospital ini turut dilengkapi dengan kemudahan makmal pathology dan x-ray serta bilik untuk melakukan pembedahan. Antara kemudahan-kemudahan perawatan lain yang bakal disediakan oleh Hospital Parit Buntar ialah rawatan untuk pesakit luar, termasuk bahagian kecemasan, rehabilitasi dan hemodialisis.

Diharapkan usaha kerajaan ini dapat memberikan manfaat kepada peningkatan taraf kesihatan penduduk terutamanya penduduk luar bandar dalam menerima kemudahan kesihatan yang setaraf dengan masyarakat bandar.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**29 JULAI 2017**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)